

# Formaliti dan Prosedur Perkahwinan

Wan Ab. Rahman Khudzri bin Wan Abdullah

## *Abstract*

*In Islamic Law, a marriage contract is considered valid and binding when it fulfils all the conditions stipulated by the Syara'. However, al-Quran and al-Sunnah themselves never provide that a marriage be registered. This article attempts to address the issue in terms of the methodology of law of how marriages should be registered as practised in Malaysia and other Islamic countries.*

Menurut hukum Islam, sesuatu akad perkahwinan dianggap sah dan mengikat sekiranya ia telah memenuhi segala rukun dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh syarak. Islam tidak mensyaratkan agar perkahwinan itu direkodkan samada dalam dokumen rasmi atau tidak, bahkan tidak disyaratkan ditulis sekalipun.<sup>1</sup>

Walau bagaimanapun di Malaysia Undang-undang Keluarga Islam memerlukan bahawa setiap perkahwinan mestilah didaftarkan di bawah Enakmen tiap-tiap negeri.<sup>2</sup> Dibeberapa negara Islam lain seperti Mesir, Syria, Lebanon, Indonesia dan lain-lain, juga mensyaratkan setiap perkahwinan. Malahan di Syria harus dilengkapi dengan surat keterangan doktor bahawa yang melangsungkan perkahwinan itu tidak menderita penyakit menular. Sebagai contohnya lihat Bahagian III Akta Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan (1984) yang memperlukan bahawa setiap perkahwinan perlu didaftarkan.<sup>3</sup>

Al-Quran dan al-Sunnah memang tidak menyebut tentang pendaftaran dan pencatitan perkahwinan ini. Pada masa Rasulullah s.'a.w dan sahabat baginda tidak ada pendaftaran perkahwinan seperti berlaku sekarang. Bagaimanapun tidak terdapat larangan untuk berbuat demikian demi kemaslahatan bersama.

Di Malaysia, peruntukan mengenai keperluan mendaftar perkahwinan dibuat adalah untuk menjamin kelancaran dan kelincinan pentadbiran nikah, cerai dan rujuk di negeri-negeri di Malaysia.<sup>4</sup>

Menurut Dr. Peunoh Daly dalam *Hukum Perkahwinan dalam Islam*, merekodkan perkahwinan amat perlu sekali kerana ia mempunyai kemaslahatan dan menjaga kesejahteraan sosial dan tidak bertentangan dengan Islam. Alasan-alasan yang beliau berikan adalah seperti berikut:<sup>5</sup>

- a. Perkahwinan adalah urusan keduniaan, yang dilakukan oleh orang yang taat dan tidak taat, oleh muslim dan non-muslim. Pencatitan perkahwinan adalah dalam rangka mengatur urusan duniai supaya lebih baik. Untuk maksud itu, dengan tegas Rasulullah bersabda: "Kamu lebih tahu tentang urusan duniamu."<sup>6</sup> Dengan penegasan ini kita dapat mengatur urusan negara dan masyarakat selama tidak berlawanan dengan ketentuan syariat.
- b. Pencatitan itu dimaksudkan untuk kepentingan pengawasan. Apabila terjadi hal-hal yang menyangkut rumah tangga atau keluarga dalam masyarakat, seperti perselisihan di antara anggota sesuatu keluarga dapat memudahkan penyelesaiannya oleh yang berwajib apabila nikah itu dilakukan dengan baik.
- c. Pencatitan tersebut dimaksudkan juga agar data yang lengkap bagi pengadilan untuk kepentingan hukum, seperti dalam persoalan pembahagian harta warisan, kepastian hukum tentang siapa yang harus menjamin pengasuhan dan pendidikan anak, kewalian dalam perkahwinan dan harta.

Selain untuk kepentingan keluarga, juga untuk kepentingan negara, seperti pencatitan kelahiran, perkahwinan, pekerjaan dan sebagainya. Pencatitan yang serupa sangat membantu pemerintah membuat berbagai macam rencana pembangunan yang tepat.

Dalam *A Code of Muslim Personal Law*, Dr. Tanzil-ur-Rahman mengulas mengenai perkara ini dengan menyatakan: "Peruntukan bagi mendaftarkan sesuatu perkahwinan memang tidak terdapat di dalam Kitab Suci al-Quran atau al-Sunnah, tetapi ia bukan pula suatu peruntukan yang dilarang. Para fukaha' Islam berpendapat bahawa merekodkan perkahwinan (*kitabah*) adalah suatu maslahat atau keperluan. Namun, hendaklah diingat bahawa mendaftarkn atau tidak mendaftarkan perkahwinan tidak memberi kesan sah atau batalnya suatu perkahwinan. Sekiranya suatu perkahwinan itu dilaksanakan dengan sempurnanya menurut peraturan Syarak, ia telah pun sah sekalipun tidak didaftarkan. Pendaftaran perkahwinan hanyalah syarat tambahan dan bukanlah sebahagian daripada syarat sah atau rukun suatu akad perkahwinan."

Peraturan ini dilaksanakan bertujuan untuk menghapuskan segala kepayahan untuk membuktikan suatu perkahwinan dan tuntutan mahar. Oleh yang demikian, ia tidaklah bercanggah dengan syarak apabila melantik seorang pendaftar nikah kahwin untuk melaksanakan objektif-objektif di atas.<sup>7</sup>

Berkenaan perkara ini, *al-Maududi* ada menjelaskan di dalam bukunya *Islamic Law and Constitution*, "Di mana dan apa sahaja perkara, sekalipun petunjuk yang asas yang tidak diperolehi dari Kitab Suci al-Quran dan al-Sunnah atau amalan para Khulafa' al-Rasyidin, ia bolehlah diambil dengan maksud bahawa Allah memberi kelapangan kepada kita untuk mengaturkan perkara tersebut mengikut pertimbangan kita yang terbaik.<sup>8</sup>

Menurut *Acta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan (1984)*, sesuatu perkahwinan di Wilayah Persekutuan hendaklah mengikut peruntukan Akta ini dan hendaklah diakadnikahkan mengikut Hukum Syarak oleh:

- a) Wali dihadapan Pendaftar;
- b) Wakil wali di hadapan dan dengan kebenaran Pendaftar; atau
- c) Pendaftar sebagai wakil wali.

Jika sesuatu perkahwinan itu melibatkan seseorang perempuan yang tiada mempunyai wali dari nasab, mengikut hukum syarak, perkahwinan itu hendaklah diakadnikahkan oleh wali Raja.<sup>9</sup>

Tiap-tiap pihak kepada perkahwinan yang dicadangkan itu hendaklah memohon kepada Pendaftar bagi kariah masjid di mana pihak perempuan itu bermastautin melalui borang yang ditetapkan untuk kebenaran berkahwin.

Permohonan tiap-tiap satu pihak hendaklah disampaikan kepada pendaftar sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh yang dicadangkan bagi perkahwinan itu, tetapi Pendaftar boleh membenarkan masa yang lebih singkat dalam mana-mana kes tertentu.<sup>10</sup>

Pendaftar, apabila berpuas hati dengan perkara-perkara yang disebut dalam permohonan itu, tentang sahnya perkahwinan yang di cadangkan itu, dan jika pihak lelaki itu sudah berkahwin, bawaha kebenaran yang dikehendaki oleh seksyen 23 (poligami) telah diberi, hendaklah, pada bila-bila masa selepas permohonan itu dan setelah dibayar fee yang ditetapkan, mengeluarkan kepada pemohon kebenarannya untuk berkahwin dalam borang yang ditetapkan.<sup>11</sup>

Jika salah satu pihak yang ingin berkahwin itu dibawah umur (lapan belas bagi lelaki dan enam belas bagi perempuan), atau jika pihak perempuan adalah seorang janda yang mendakwa telah bercerai sebelum dia telah disetubuh oleh suaminya dalam perkahwinan itu, atau jika perempuan yang tidak mempunyai wali nasab, maka pihak pendaftar tidak boleh memberi kebenaran berkahwin. Pendaftar hendaklah merujukkan permohonan itu kepada Hakim Syari'ah yang jika berpuas hati ia akan memberikan kebenaran berkahwin kepada mereka.<sup>12</sup>

Semua perkahwinan di Wilayah Persekutuan hendaklah didaftarkan mengikut akta ini.<sup>13</sup> Selepas mendaftar dan membayar fee yang ditetapkan, pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu surat perakuan nikah dalam borang yang ditetapkan kepada tiap-tiap satu pihak bagi perkahwinan itu.<sup>14</sup>

Sek. 31(1) memperuntukan jika seseorang yang bermastautin dalam Wilayah Persekutuan telah berkahwin di luar negeri dengan sah mengikut Hukum Syarak, bukannya satu perkahwinan yang didaftarkan di bawah seksyen 24, maka orang itu hendaklah, dalam masa enam bulan selepas tarikh perkahwinan itu, hadir di hadapan Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Orang Islam yang berhampiran sekali atau yang terdapat dengan paling senang di luar negeri untuk mendaftarkan perkahwinan itu, dan perkahwinan itu, setelah didaftarkan, hendaklah disifatkan sebagai didaftarkan dibawah Akta ini.

Menurut seksyen 31(2), jika sebelum tamat tempoh enam bulan itu salah satu atau kedua-dua pihak kepada perkahwinan itu dijangkakan akan kembali ke Wilayah Persekutuan dan perkahwinan itu belum didaftarkan di luar negeri, maka pendaftaran perkahwinan itu hendaklah dibuat dalam masa enam bulan selepas salah satu atau kedua-dua pihak itu mula-mula sampai di Wilayah Persekutuan dengan cara pihak itu atau kedua-dua pihak itu hadir di hadapan mana-mana Pendaftar dalam Wilayah Persekutuan dan -

- a) mengemukakan kepada pendaftar itu surat perakuan nikah atau apa-apa keterangan, samada lisan atau dokumen yang boleh memuaskan hati pendaftar bahawa perkahwinan itu telah berlaku;
- b) memberi apa-apa butir sebagaimana yang dikehendaki oleh Pendaftar untuk pendaftaran sewajarnya perkahwinan itu; dan
- c) memohon dalam borang yang ditetapkan supaya perkahwinan itu didaftarkan dan menandatangi akuan di dalamnya.

Sekiranya mereka tidak berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan, maka mereka melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya denda dan penjara.<sup>15</sup>

Menurut seksyen 44 Akta ini, tiap-tiap Daftar Perkahwinan yang disimpan oleh Ketua Pendaftar di bawah Akta ini dan sesuatu salinan apa-apa catitan di dalamnya, yang diperakui dengan tandatangan dan meterai jawatannya sebagai suatu salinan atau cabutan yang benar, adalah menjadi keterangan *prima facie* dalam semua mahkamah dan tribunal dalam mengenai tarikh-tarikh dan perbuatan-perbuatan yang terkandung atau dinyatakan dalam Daftar Perkahwinan, salinan atau cabutan itu.<sup>16</sup>

#### NOTA HUJUNG

1. Jamal J. Nasir, *The Status of Women Under Islamic Law*, London: Graham & Trotman, h. 28 (1990).
2. Sebagai contohnya lihat Bahagian III Akta Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan (1984) yang memperuntukan bahawa setiap perkahwinan perlu didaftarkan.
3. Dr. Peunoh Daly, *Hukum Perkahwinan Islam - Suatu Studi Perbandingan dalam Kalangan Ahlus Sunnah & Negara-negara Islam*, Batu Caves: Thinker's Library, h. 124 (1994).
4. Mahmood Zuhdi dan Raihanah Azahari, *Undang-undang Keluarga Islam: Konsep dan Pelaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Karya Abazie, hal. (1989).
5. Peonoh Daly., *op. cit.* h. 124-5.
6. Taqi al-Din ibn Taymiyyah, *al-Siasah al-Syar'iyyah*, Dar al-Kitab al-'Arabi, Misr, 1955 hal. 158, hadis: riwayat abu Dawud.
7. Tanzil-ur-rahman, *A Code of Muslim Personal Law*, vol. 1 Karachi: Hamra Academy, hal. 88 (1984).
8. Maududi, *Islamic Law and Constitution*, hal. 90 (1967).
9. Sek. 7.
10. Sek. 16.
11. Sek. 17
12. Sek. 18.
13. Sek. 25.
14. Sek. 26.
15. Sek. 35.
16. Sek. 44.